

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

MESYUARAT KEDUA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DR. NOOR AZMI BIN GHAZALI

TARIKH : 17 MEI 2016 (SELASA)

SOALAN :

Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan kanser payudara adalah kanser yang paling banyak membunuh wanita Malaysia. LPPKN telah memulakan program subsidi mamogram pada tahun 2007 dan promosi secara agresif dibuat pada 2012. Adakah program ini berjaya dan akan diteruskan memandangkan kes kanser payudara makin meningkat ketika ini.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT**

Tuan Yang Di-Pertua,

Di Malaysia, kanser payudara merupakan kanser utama yang menyerang wanita dan juga penyebab kematian dalam kalangan wanita. 1 nisbah 19 penduduk wanita di Malaysia berisiko mendapat kanser payudara. Berdasarkan kepada statistik Daftar Kanser Kebangsaan pada tahun 2008, kadar insiden kanser payudara di Malaysia adalah 32.3 peratus bagi setiap 100,000 wanita.

Kerajaan dalam pembentangan Dasar Bajet 2007, telah meluluskan permohonan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) untuk memberi subsidi sebanyak RM50.00 bagi setiap ujian mamogram yang dijalankan oleh wanita di pusat-pusat mamogram swasta yang berdaftar dengan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN).

Bagi meningkatkan kesedaran masyarakat terutama wanita mengenai kanser payudara, KPWKM melalui LPPKN telah melaksanakan Program

Subsidi Ujian Mamogram sebagai inisiatif Kerajaan untuk meningkatkan kesedaran wanita mengenai pengesanan awal kanser payudara. Program ini mensasarkan kepada wanita warganegara Malaysia dan penduduk tetap yang berumur 40-70 tahun yang layak bagi mendapat saringan ujian mamogram di Pusat Mamogram Swasta yang berdaftar dengan LPPKN. Walaubagaimana pun bagi wanita yang berumur 35-39 tahun yang mempunyai sejarah keluarga mendapat kanser payudara sebelum berumur 40 tahun juga layak mendapat subsidi ini melalui rujukan Doktor.

Sejak diperkenalkan pada tahun 2007, usaha ini diperluas menerusi 67 buah pusat Mamogram swasta yang berdaftar dengan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), 16 Klinik Kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan bantuan 65 Badan Bukan Kerajaan (NGO) bagi merujuk klien untuk mendapatkan saringan ujian Mamogram.

Bermula dari Mei 2007 hingga Mac 2016, sebanyak 308,740 permohonan subsidi Mamogram diterima oleh LPPKN. Daripada jumlah tersebut seramai 299,724 ujian mamogram telah dijalankan kepada wanita berumur 35 hingga 70 tahun. Daripada jumlah tersebut, seramai 271,583 kes didapati normal dan 28,141 kes telah dikategorikan bawah penyiasatan

lanjut yang memerlukan pemeriksaan susulan. Sebanyak 473 kes telah disahkan positif kanser.

Pada tahun 2016 dianggarkan seramai 27,500 orang wanita mendapat manfaat daripada Program Subsidi Ujian Mamogram ini. Program subsidi yang telah dilaksanakan selama sembilan (9) tahun ini akan ditamatkan sepenuhnya pada Disember 2016 dan tarikh akhir penerimaan klien bagi menjalani ujian mamogram adalah pada 31 Julai 2016. Untuk masa akan datang, sekiranya seseorang wanita ingin mendapatkan perkhidmatan pemeriksaan mamogram, mereka boleh mendapatkan perkhidmatan tersebut di Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia yang mempunyai fasiliti mamogram.